

SOALAN NO.: 476

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN
MOHAMAD
KAWASAN : LIPIS**

SOALAN:

YB. DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD minta **MENTERI
KERJA RAYA** menyatakan impak pembangunan dan peluang lain
hasil daripada pembinaan lebuh raya baru tanpa tol Central Spine Road
kepada Pahang Barat khususnya di Parlimen Lipis.

174

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini 41.35km atau 12% daripada jarak keseluruhan Central Spine Road sepanjang 350km telah siap dan dibuka kepada lalu lintas, dari Kg. Kubang Rusa ke Kg. Seberang Jelai di Lipis, Pahang. Sehubungan itu antara output dan manfaat yang diperoleh kesan dari projek Central Spine Road di daerah Lipis ialah seperti berikut:

- Meningkatkan aspek keselesaan pemanduan;
- Mengurangkan kesesakan trafik terutama pada musim perayaan utama dan cuti persekolahan. Pada musim perayaan, Level of Service (LOS) dapat ditingkatkan daripada LOS D di Jalan FT08 kepada LOS A di CSR;
- Menjimatkan masa dan jarak perjalanan berbanding laluan asal (daripada 120 minit di Jalan FT08 dari Kg. Kubang Rusa ke Kg. Sg. Yu kepada 30 hingga 40 minit sahaja di jajaran CSR yang telah siap);
- Meningkatkan keselamatan jalan dengan mengurangkan risiko kemalangan yang sering berlaku di Jalan FT08 sedia ada. Lebih 400 bilangan kemalangan yang berlaku di FT08 dari Mentara ke Kuala Lipis pada **setiap tahun** 2010, 2011, 2012, 2013 dan 2014.

- Meningkatkan sosioekonomi penduduk setempat di samping menyediakan infrastruktur berkualiti di kawasan luar bandar bagi mengurangkan jurang pembangunan bandar dan desa;
- Meningkatkan aksesibiliti dan mobiliti laluan menghala ke Pantai Timur dan sebaliknya; dan
- Menjadi pemangkin kepada koridor Kelantan dan Pahang Barat serta menyokong pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur secara keseluruhan

Sekian, terima kasih.